



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

10 – 12 JANUARI 2026 (SABTU - ISNIN)

Penternakan Babi Akan Distruktur Semula Secara Moden Di Bukit Tagar – Exco Pertanian Selangor

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harapan Daily	Malaysia	Dalam Talian	8 Jan



FOTO BERITA: Sidang Media Khas oleh YB Dato' Ir. Izham Hashim Exco Pertanian Negeri Selangor mengenai isu ternakan babi di Sepang & Kuala Langat di Bilik Pejabat Exco Bangunan SSAAS, Shah Alam, Selangor. 8hb Januari 2026 (Khamis)

SHAH ALAM, 8 Januari 2026 – Kerajaan Negeri Selangor memberi jaminan isu ternakan babi di daerah Sepang dan Kuala Langat ditangani secara serius, berfasa dan menyeluruh dengan mengambil kira aspek keselamatan makanan, kawalan penyakit serta keharmonian masyarakat.

Perkara itu ditegaskan oleh YB Dato' Ir. Izham Hashim, Exco Pertanian Negeri Selangor dalam Sidang Media Khas di Bilik Pejabat Exco,

Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS), di sini hari ini. Menurut beliau, Kerajaan Negeri amat menitikberatkan isu jaminan bekalan makanan (food security) termasuk keperluan komuniti bukan Islam, khususnya berkaitan bekalan daging babi, di samping memastikan isu pencemaran dan kebajikan awam terus dipelihara.

“Isu ini telah dibincangkan secara panjang lebar dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat

Kerajaan Negeri (MMKN). Kita telah lama mencari kaedah terbaik supaya penternakan babi dapat diurus dengan lebih teratur, moden dan tidak menjejaskan keharmonian masyarakat," katanya.

Beliau memaklumkan, bagi perancangan jangka panjang, Kerajaan Negeri sedang dalam proses melaksanakan pemindahan dan penstrukturan semula penternakan babi secara moden di Bukit Tagar, Ulu Selangor. Namun begitu, proses tersebut memerlukan masa kerana melibatkan aspek kesesuaian tanah, teknologi dan pelaburan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri turut mengambil kira keperluan mengekalkan bekalan babi hidup serta kebajikan penternak sedia ada di Selangor. Mengulas status ladang ternakan, YB Dato' Ir. Izham berkata sebelum ini terdapat 117 ladang ternakan babi, namun tiga ladang telah diarahkan tutup kerana melanggar pelbagai syarat, menjadikan baki 114 ladang berlesen, selain satu ladang tidak sah.

Mengulas status ladang ternakan, YB Dato' Ir. Izham berkata sebelum ini terdapat 117 ladang ternakan babi, namun tiga ladang telah diarahkan tutup kerana

melanggar pelbagai syarat, menjadikan baki 114 ladang berlesen, selain satu ladang tidak sah.

"Kawasan ternakan babi di Selangor adalah unik kerana tertumpu di daerah Sepang yang bersempadan dengan Kuala Langat. Bagi memudahkan kawalan, Kerajaan Negeri menetapkan hanya kawasan Tanjung Sepat dibenarkan untuk operasi ternakan, manakala ladang di Sungai Belangan perlu melalui proses pemindahan," jelasnya.

Beliau turut menjelaskan tiga pertimbangan utama Kerajaan Negeri dalam pengurusan isu ini, iaitu jaminan keselamatan makanan, kawalan wabak penyakit African Swine Fever (ASF), serta hala tuju pembangunan industri ternakan babi di Selangor.

Setakat ini, wabak ASF telah menjejaskan 66 ladang, manakala 48 ladang disahkan negatif, daripada keseluruhan 114 ladang. Penyakit berkenaan masih aktif dan mudah merebak, justeru tindakan pantas diambil di bawah Akta Binatang 1953, Seksyen 36, termasuk pemantauan rapi, ujian darah dan pelupusan segera ternakan yang disahkan positif.

“Setiap ladang yang terlibat dengan ASF perlu melalui proses pembersihan menyeluruh dan tempoh kuarantin yang ketat sebelum dibenarkan beroperasi semula,” katanya.


Bagi memastikan bekalan daging babi mencukupi, Kerajaan Negeri turut membenarkan kemasukan babi hidup dari Sarawak sejak Julai tahun lalu, dengan purata sekitar 2,000 ekor seminggu, tertakluk kepada syarat kawalan biosekuriti yang sangat ketat. Kemasukan dari Perak juga dibenarkan dengan pemantauan rapi bagi mengelakkan risiko penularan penyakit.

Sidang media tersebut turut dihadiri pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Dr. Zuzana, serta wakil Unit Perancang Ekonomi dan sektor pertanian negeri. Kerajaan Negeri Selangor menegaskan komitmen untuk terus mengimbangi keperluan industri, kebajikan penternak, keselamatan makanan dan kesejahteraan rakyat dalam menangani isu ternakan babi di negeri ini.-

[HARAPANDAILY](#)

Beri Alasan Sibuk, Biar Kucing dalam Sangkar Dipenuhi Najis

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harapan	Edisi	Dalam Talian	10 Jan



Tangkap layar video pengabaian kucing yang dikongsi sebuah NGO.

SEREMBAN –Bukan saja membiarkan beberapa ekor kucing dikurung dalam sangkar yang dipenuhi dengan najis, malah pemiliknya di Seremban 2 di sini turut didakwa membiarkan haiwan tersebut tanpa makanan dan minuman yang bersih.

Perkara itu didedahkan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), stray free.foundation menerusi beberapa video yang dikongsi di akaun Thread mereka pada Jumaat.

Berdasarkan video yang dikongsi, kawasan luar rumah yang menempatkan sangkar kucing terbabit turut dilihat dalam keadaan kotor dan tidak terurus apabila dipenuhi sampah.

Menerusi video tersebut, NGO berkenaan mempersoalkan tindakan pemilik membiarkan haiwan itu dalam keadaan begitu.

Seorang wanita tanpa wajahnya didedahkan memaklumkan, bahawa kesemua kucing terbabit berada di bawah jagaan

suaminya yang ketika itu tiada di rumah kerana keluar minum.

Apabila ditanya lanjut kenapa sangkar dan kawasan tersebut tidak dibersihkan, wanita itu memberi alasan dia tidak mempunyai masa kerana sibuk bekerja.

Perkongsian NGO itu menimbulkan pelbagai reaksi warganet yang meninggalkan komen mengecam tindakan pemilik yang disifatkan tidak perikemanusiaan selain bersimpati dengan nasib kucing-kucing berkenaan.

Bagaimanapun, pihak NGO memaklumkan kesemua kucing tersebut telah pun diselamatkan dan kini berada di bawah jagaan mereka.

Pihaknya juga telah pun membuat laporan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan(JPVNS) untuk tindakan lanjut.

Sementara itu Pengarah JVPNS, Dr Nurul Ain Ahmad mengesahkan menerima aduan berhubung perkara itu dan kini sedang menjalankan siasatan, sebelum laporan penuh dikeluarkan Isnin depan.-[SINARHARAPAN](#)

MAFFI Adakan Sesi Libat Urus Industri Unggas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sabah Media	Utama	Dalam Talian	10 Jan



Jamawi (duduk,tengah) bergambar kenangan bersama dengan peserta yang hadir dalam Sesi Libat Urus yang daripada penternak ayam tempatan, pengimport ayam serta pengilang makanan haiwan.

KOTA KINABALU: Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan, Datuk Jamawi Jaafar mempengerusikan Sesi Libat Urus Industri Unggas di Wisma Pertanian, di sini, semalam.

Sesi itu turut disertai seramai 73 orang yang terdiri daripada penternak ayam tempatan, pengimport ayam serta pengilang makanan haiwan dalam usaha menyelaras isu bekalan dan harga pasaran.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian, Datuk Leonard Stephen Poyong; Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, Dr. Zul Bahar Abdul Rashid, Presiden Persatuan Pengimport Makanan dan Daging Beku Sabah, Lim Young Peing dan Pengerusi Rastamas Group, Datuk Md Tahir Picho yang juga pengusaha ayam.

Jamawi berkata, pihaknya memahami keperluan untuk mengimport bahagian ayam tertentu khususnya sayap,

paha dan dada bagi memenuhi permintaan pasaran dan keperluan industri makanan.

Pada masa sama, beliau menegaskan semua pemain industri mesti mematuhi peraturan yang telah ditetapkan kerajaan termasuk dari segi status halal, penentuan harga serta keperluan import ayam dari luar negara.

“Kementerian akan terus memastikan penternak tempatan diberi keutamaan dan sokongan dalam usaha memastikan bekalan daging ayam dan telur ayam negeri ini kekal stabil,” katanya.

Jamawi berkata, kementeriannya turut bersetuju menubuhkan jawatankuasa perundingan antara pengusaha, pengimport dan pengilang makanan haiwan bagi memudahkan proses rundingan secara menang-menang untuk mencapai objektif yang telah diputuskan dalam sesi libat urus tersebut.

Ini susulan cadangan Md. Tahir agar satu jawatankuasa melibatkan tiga pihak utama iaitu penternak tempatan, pengimport dan pengeluar makanan haiwan ditubuhkan bagi menyelaraskan isu bekalan dan harga secara bersepadu.

Jamawi turut memaklumkan kementeriannya akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali sebulan bagi membantu memastikan pengeluaran tempatan lebih stabil dan sasaran tahap sara diri (SSL) 100 peratus dapat dicapai.

Beliau menegaskan beliau akan berusaha melaksanakan amanah sebaik mungkin demi kepentingan rakyat Sabah.

Sementara itu, Lim menyifatkan sesi libat urus berkenaan sebagai yang julung-julung kali diadakan seumpamanya dan merakamkan penghargaan kepada Jamawi kerana menghimpunkan semua pemain industri untuk berdialog secara terbuka bersama menteri.-

[SABAHMEDIA](#)

Penternak Tempatan Diberi Keutamaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Berita	Dalam Talian	11 Jan



KOTA KINABALU: Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI) menganjurkan Sesi Libat Urus Industri Unggas yang dipengerusikan oleh menterinya, Datuk Jamawi Jaafar, di Wisma Pertanian, di sini.

Sesi berkenaan menghimpunkan seramai 73 peserta terdiri daripada penternak ayam tempatan, pengimport ayam serta pengilang makanan haiwan bagi menyelaraskan isu berkaitan bekalan dan harga pasaran industri unggas di

negeri ini.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian, Datuk Leonard Stephen Poyong; Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, Dr Zul Bahar Abdul Rashid; Presiden Persatuan Pengimport Makanan dan Daging Beku Sabah, Lim Young Peing serta Pengerusi Rastamas Group, Datuk Md Tahir Picho yang juga pengusaha ayam.

Jamawi berkata, kementeriannya memahami keperluan industri untuk mengimport

bahagian ayam tertentu seperti sayap, paha dan dada bagi memenuhi permintaan pasaran serta keperluan sektor makanan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan semua pemain industri perlu mematuhi peraturan kerajaan termasuk

aspek status halal, penentuan harga dan keperluan import ayam dari luar negara.

“Kementerian akan terus memastikan penternak tempatan diberi keutamaan serta sokongan supaya bekalan daging ayam dan telur ayam

di Sabah kekal stabil,” katanya.

Beliau berkata, MAFFI bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa perundingan melibatkan penternak tempatan, pengimport serta pengilang makanan haiwan bagi memudahkan rundingan secara bersepadu dan mencapai keputusan secara menang-menang.

Penubuhan jawatankuasa itu susulan cadangan Md Tahir agar satu mekanisme rasmi diwujudkan bagi menyelaraskan isu bekalan dan harga industri unggas secara lebih sistematik.

Jamawi turut memaklumkan

kementeriannya merancang mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali sebulan bagi membantu menstabilkan pengeluaran tempatan serta mencapai sasaran tahap sara diri 100 peratus.

Beliau menegaskan komitmen untuk melaksanakan amanah sebaik mungkin demi kepentingan rakyat Sabah dan kelangsungan industri makanan negeri ini.

Sementara itu, Lim menyifatkan sesi libat urus berkenaan sebagai yang pertama seumpamanya diadakan dan merakamkan penghargaan kepada Jamawi kerana berjaya menghimpunkan semua pemain industri bagi berdialog secara terbuka bersama kementerian.-

[UTUSANBORNEO](#)

JPVNS Siasat Dakwaan Pengabaian Kucing dalam Sangkar Kotor di Seremban 2

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	11 Jan



TANGKAP layar keadaan persekitaran dan sangkar kucing yang kotor di sebuah kediaman di Seremban 2, di sini. FOTO IHSAN PEMBACA

Seremban: Melihat kepada persekitaran dan sangkar kucing yang kotor milik seorang individu di Seremban 2, di sini, bukan sahaja melahirkan simpati malah dalam masa sama cukup meloyakan tekak.

Dalam video dikongsikan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), stray free.foundation menerusi di akaun Thread pada Jumaat lalu turut memaparkan keadaan kucing dalam keadaan kurus dan terbiar.

Berdasarkan video yang dikongsi, kawasan luar rumah yang menempatkan sangkar kucing terbabit turut dilihat dalam keadaan kotor dan tidak terurus dengan dipenuhi sampah.

Menerusi video berkenaan, NGO terbabit mempersoalkan tindakan pemilik membiarkan haiwan itu dalam keadaan tidak sihat.

Seorang wanita tanpa wajahnya didedahkan memaklumkan, bahawa

kesemua kucing itu berada di bawah jagaan suaminya yang ketika itu tiada di rumah.

Apabila ditanya lanjut mengenai sangkar dan kawasan yang tidak dibersihkan, wanita itu memberi alasan dia tidak mempunyai masa kerana sibuk bekerja.

Perkongsian NGO itu menimbulkan pelbagai reaksi warganet yang meninggalkan komen mengecam tindakan pemilik yang disifatkan tidak perikemanusiaan selain bersimpati dengan nasib kucing berkenaan.

Bagaimanapun, pihak NGO memaklumkan kesemua kucing itu sudah diselamatkan dan kini berada di bawah jagaan mereka.

Pihaknya juga sudah membuat laporan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Pengarah JVPNS, Dr Nurul Ain Ahmad mengesahkan menerima aduan berhubung perkara itu dan kini sedang menjalankan siasatan sebelum laporan penuh dikeluarkan.-

[MYMETRO](#)

Gubal Akta, Sistem Cukai Khusus Kawal Aktiviti Ternak Babi - DUPP

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Politik	Dalam Talian	11 Jan



DUPP menegaskan Islam secara jelas melarang umatnya terlibat dalam penternakan, pemilikan dan perdagangan khinzir.

SHAH ALAM - Dewan Ulamak Pas Pusat (DUPP) menggesa Kerajaan Persekutuan supaya menggubal satu akta dan sistem percukaian yang lebih khusus, tersusun serta sistematik bagi mengawal aktiviti penternakan dan penjualan babi di seluruh negara.

Ketua Penerangannya, Datuk Mohd Nor Hamzah berkata, langkah itu penting bagi memastikan pengawalan selari dengan pendekatan pentadbiran Islam yang menekankan keadilan,

kebajikan masyarakat serta penghormatan terhadap sensitiviti agama dalam sesebuah negara majmuk.

Beliau turut menggesa Kerajaan Selangor agar mengambil kira suara dan pandangan penduduk setempat dengan serius kerana keputusan yang dibuat melibatkan kepentingan ramai pihak.

Menurutnya, pungutan suara, rundingan awam serta persetujuan masyarakat setempat wajar diberi

keutamaan sebelum sebarang kelulusan diberi kepada pengusaha atau penternak babi.

"DUPP menegaskan bahawa Islam secara jelas melarang umatnya terlibat dalam penternakan, pemilikan dan perdagangan khinzir berdasarkan nas sahih antaranya sabda Rasulullah SAW, 'sesungguhnya ALLAH SWT dan Rasul-Nya mengharamkan jual beli arak, bangkai, khinzir serta berhala', riwayat al-Bukhari dan Muslim.

"Namun demikian, Islam tidak menyekat hak orang bukan Islam untuk memakan babi atau menjalankan aktiviti perniagaan serta penternakan tersebut.

"Bagaimanapun, kebebasan ini tidak bersifat mutlak dan mesti dikawal agar tidak dilakukan secara terbuka atau meluas sehingga mengganggu sensitiviti umat Islam serta menimbulkan kegusaran," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Ahad.

Sebelum ini, Sinar Harian melaporkan, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita dan tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan Selangor yang membenarkan operasi penternakan babi di Tanjong Sepat, Kuala Langat sebelum

dipindahkan ke Bukit Tagar, Hulu Selangor pada 2030.

Baginda bertitah, perancangan tersebut dipandang serius, khususnya apabila terdapat kemungkinan pembangunan penternakan babi secara berskala besar dan berorientasikan eksport ke luar negara di atas tanah seluas kira-kira 202 hektar di Bukit Tagar.

Susulan itu, Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor dijadual menghadap Sultan Sharafuddin pada Isnin bagi menyembah maklum dan membentangkan perincian keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) berhubung isu penternakan babi di Kuala Langat.

Mengulas lanjut, Mohd Nor berpendapat, kebimbangan utama yang timbul adalah apabila ladang penternakan babi yang dicadangkan berhampiran penempatan penduduk.

Katanya, ini termasuk kawasan yang didiami oleh orang bukan Islam sendiri tanpa mengambil kira kesan sosial, kesihatan awam, alam sekitar serta sensitiviti komuniti sekeliling, khususnya umat Islam.

"DUPP meminta semua pihak menjadikan keharmonian

masyarakat, kebijaksanaan
tadbir urus dan
penghormatan terhadap
agama Islam sebagai asas
utama dalam menangani isu
ini demi kesejahteraan
negara serta kestabilan sosial
jangka panjang," ujar beliau.-

[SINARHARIAN](#)

Takut Bila Mati, Yang Mendoa Dan Mengaminkan Saya Adalah Babi – Tarmudi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Utama	Dalam Talian	12 Jan



Antara kawasan yang dipercayai pusat penternakan babi berhubung titah Sultan Selangor yang murka dengan rancangan ternakan babi ketika tinjauan lensa MalaysiaGazette di Kampung Tumbuk, Kuala Langat. Foto AIZAT ZAINAL, 11 JANUARI 2026.

KUALA LANGAT – Rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk memulakan operasi penternakan babi di sekitar Kampung Tumbuk, Tanjong Sepat, di sini, bermula tahun ini menimbulkan kembali keresahan dan kegelisahan rakyat.

Tinjauan MalaysiaGazette di sekitar Jalan Tumbuk Sempadan, Kampung Tumbuk mendapati, pencemaran bau dan air yang menghantui 1,592 penduduknya lebih 30 tahun

lalu boleh berulang jika operasi penternakan babi itu dibenarkan kembali.

Bagaimanapun hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk mengembalikan operasi penternakan babi di kampung tersebut dimurkai Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang tidak bersetuju dengan cadangan tersebut.

Menurut mantan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

Persekutuan (JKKKP) Kampung Tumbuk Darat, Tarmudi Tushiran, beliau menjunjung titah Seri Paduka sambil menyifatkan campur tangan pihak istana itu sebagai sesuatu yang melegakan penduduk.

“Kalau boleh dipindahkanlah ke tempat lain. Saya setuju sangat dengan idea sokongan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya menyokong penuhlah 100 peratus supaya dipindahkan.

“Sultan Selangor baru-baru ini telah merasmikan Masjid Tumbuk Darat, ini nak buat kandang babi dekat Tumbuk Darat? Apa barang ini? Kalau boleh dipindahkan ke tempat lainlah,” katanya ketika ditemui MalaysiaGazette di kediamannya di sini, hari ini.

Semalam, Sultan Selangor menzahirkan rasa dukacita serta tidak bersetuju dengan perancangan operasi penternakan babi di sekitar Kampung Tumbuk, Tanjong Sepat, di sini dijadualkan bermula tahun ini sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030.

Baginda menegaskan, projek penternakan babi berskala besar adalah tidak wajar, tidak sensitif dan tidak seimbang dengan realiti demografi serta keharmonian masyarakat di Selangor yang

majoritinya dalam kalangan orang Melayu Islam.

Lebih dikesali katanya apabila kandang babi sedia ada yang diusahakan di situ dibina berdekatan dengan Tanah Perkuburan Islam Kampung Tumbuk Darat.

“Bukan kira perkauman atau kawasan Melayu ke mana, tapi di sini majoriti orang Melayu. Jadi memang dekat sangat. Jadi yang saya lebih dukacita bila kandang babi ini dekat sangat dengan kubur orang Islam.

“Ini yang saya memang tak setuju, sebab bila dekat kubur, esok saya takut bila saya mati atau sesiapa mati, yang doakan, yang mengaminkan (talkin) itu babi tu. Rasa saya tak bolehlah macam itu,” katanya.

Tarmudi juga melahirkan rasa kesal dengan penjelasan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Tumbuk Darat, Nasri Mohd Jais yang berkeras mahu aktiviti itu dibenarkan di kawasan itu sekurang-kurangnya tiga tahun lagi.

“Memang saya tanya dan semua. Saya menghubungi ketua kampung yang baharu dekat sini. Dia pun kata dia tak setuju. Dia kata cuma nak

buat tiga tahun.

“Apa pula nak buat tiga tahun? Tak payah terus, halang terus, tak payah (benarkan beroperasi) dan tukar tempat lain.

“Kalau saya, jangan bagi kelonggaran tiga tahun lagi, yang ada sekarang pun sepatutnya kena buang,” katanya.

Tarmudi menggesa Kerajaan Negeri Selangor mencontohi pusat penternakan babi di Jerman yang bukan sahaja moden dan sistematik, malah jauh lebih daripada penempatan manusia.

“Sebagai mantan ketua kampung, saya pernah melawat atau melihat sendiri kaedah penternakan babi di Jerman, memang canggih, moden dan juga teratur. Perjalanan dari hotel ke kandang babi lebih empat jam, jauh dari penempatan orang.

“Tetapi kenapa Kerajaan Negeri Selangor nak dibuat di Kampung Tumbuk Darat ini, memang nak diusahakan sangat, saya rasa saya memang tidak relevan langsung, memang saya tak setuju.

“Siapa pun pemimpin atau pengusaha ternakan babi yang nak mengambil keuntungan, saya tak mahu

pertikaikan, tetapi bagi saya, langsung tak relevan, pindahkanlah ke tempat lain, jauh dari penempatan orang,” tegasnya.

Lebih dikesali katanya isu tersebut yang diperjuangkan beliau sejak 2016 tidak mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri Selangor dan kemudahan ternakan haiwan itu menjadi keutamaan berbanding fasiliti pendidikan.

“Dulu saya pernah mencadangkan kawasan yang sebelah ladang sawit untuk dijadikan sekolah berasrama penuh, bagaimanapun cadangan itu tidak diangkat, sebaliknya kandang babi pula wujud di situ.

“Malangnya tidak dapat respon daripada kerajaan. Kita mengutarakan soal itu kerajaan ataupun YB yang untuk menguruskan hal ini, cuma kita buat cadangan.

“Tapi tak lulus, rupanya yang nak diluluskan ialah kandang babi,” katanya.

Selain itu, kata Tarmudi, cadangan penternakan babi di Kampung Tumbuk yang berdekatan dengan penempatan penduduk didakwa seolah-olah cubaan untuk menghalau orang Melayu secara halus.

“Ini macam nak menghalau kepada orang Melayu. Jangan nak main-main macam itu, sebab ini kandang babi, memanglah makanan orang Cina.

“(Pencemaran) Bau saya sudah alami sejak dulu sampai sekarang. Takkan sekarang nak dibuat dekat sini. Baunya tak boleh tahan.

“Kemudian virus babi dekat sini bahaya kepada alam sekitar dan penduduk,” katanya lagi. –

[MALAYSIAGAZETTE](#)

Borhan Junjung Titah Sultan Selangor Berkaitan Isu Ladang Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara Merdeka	Nasional	Dalam Talian	12 Jan



SHAH ALAM – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Sepat, Datuk Borhan Aman Shah menzahirkan sokongan penuh terhadap pendirian tegas Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya aktiviti penternakan babi di Selangor dilaksanakan secara terhad dan terkawal, hanya bagi memenuhi keperluan komuniti bukan Islam, serta tidak dijalankan secara besar-besaran atau berorientasikan eksport.

Borhan yang juga Exco Perumahan dan Kebudayaan

Selangor berkata, sebagai wakil rakyat bagi kawasan yang terlibat secara langsung, beliau menjunjung setinggi-tinggi titah Sultan Selangor berhubung cadangan operasi penternakan babi di kawasan Kuala Langat, termasuk perancangan pemindahannya ke Bukit Tagar pada tahun 2030.

“Sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan ADUN kawasan terlibat, patik dengan penuh takzim menyatakan sokongan sepenuhnya terhadap

pendirian Tuanku. Aspek kawalan sistem kumbahan penternakan perlu diberi perhatian serius bagi memastikan kebersihan, keselamatan alam sekitar serta kesejahteraan masyarakat sentiasa terpelihara,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau turut mengambil maklum pendirian tegas Sultan Selangor yang tidak memperkenankan Kuala Langat dijadikan lokasi sementara penternakan sebelum pemindahan ke Bukit Tagar, dengan mengambil kira kebimbangan terhadap risiko pencemaran, kesan kepada kualiti hidup penduduk serta keharmonian masyarakat setempat.

Menurut Borhan, isu penternakan babi di kawasan Tanjong Sepat sentiasa dipantau secara berterusan, khususnya melibatkan aduan penduduk berkaitan pencemaran bau, pengurusan sisa dan kesan terhadap alam sekitar.

“Pelbagai aduan penduduk sentiasa diambil perhatian dan dibangkitkan melalui saluran sewajarnya. Patik komited untuk terus memantau perkembangan isu ini secara dekat dan memastikan setiap tindakan yang diambil selari dengan titah serta kebijaksanaan

Tuanku,” katanya.

Terdahulu, Sultan Selangor menzahirkan ketidaksetujuan terhadap perancangan kerajaan negeri yang membenarkan operasi penternakan babi di Tanjong Sepat bermula tahun ini sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar, khususnya jika ia melibatkan penternakan berskala besar dan berorientasikan eksport.-

[SUARAMERDEKA](#)

Derita Hidu Najis Babi			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	1 & 2	12 Jan

Derita hidu najis babi

DARI MUKA 1

Seorang penduduk, Mohd. Zuhaize Ngapani, 44, berkata, isu ternakan babi berlaku sejak dia masih kecil dan mengundang pencemaran bau di kawasan tersebut.

"Kawasan ini sudah terlalu lama tercemar, malah di Tanjong Sepat dan Tanjong Layang dipercayai ada enam buah ladang berskala besar yang beroperasi semula. Cuma berapa banyak kandang (jumlah keseluruhan), saya tidak pasti," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Jarak kandang babi yang kini sudah kosong dengan rumah penduduk adalah 50 hingga 70 meter (m).

Menurutnya, pembuangan erus najis babi ke kawasan laut turut mengganggu ekosistem. Ini elepas kerang dan kepah timbul semula ketika wabak ASF di Pantai Tanjong Sepat baru-baru ini elepas lebih 30 tahun 'hilang'.

Mohd. Zuhaize berkata, walaupun tiada penyakit, penduduk masih bimbang pencemaran kan terus berlaku dan berharap ernakan haiwan itu dipindahkan ke lokasi khas.

Seorang lagi penduduk, Noraid Kasman, 53, memberitahu, etika ini kesan bau dari ladang babi masih kurang berikutan aiwan tersebut baru dua bu-



SISA najis babi dari aliran parit yang disalurkan terus ke muara ketika tinjauan di Tanjong Sepat semalam.
- YUNUS YAKKUB

lan memasuki semula kawasan tersebut.

"Sebelum ini bau busuk sering melingkari udara. Pengunjung yang datang ke sini pun akan bertanya bau apa (punca), namun saya tidak tahu akan datang (selepas ASF).

"Ratusan pekerja ternakan babi yang dahulunya menganggur, kini sudah kembali bekerja," ujarnya.

Justeru, Norsaid meminta pihak berkaitan supaya memantau dan mengawal ketat aktiviti penternakan babi di daerah ini bagi mengelakkan jumlahnya terus meningkat.

Sementara itu, Ketua Kampung Tumbuk, Nasri Mohd. Jais berharap operasi penternakan babi akan dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030 dapat direa-

lisasikan.

Katanya, teguran daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kelmarin dijunjung penduduk daerah ini kerana isu ternakan babi telah berlarutan selama puluhan tahun.

"Sekiranya berlaku (pemindahan), Alhamdulillah. Jika tidak, kita (penduduk) akan bertanya kepada kerajaan," katanya.

Kosmo! kelmarin melaporkan Sultan Sharafuddin tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan negeri yang membenarkan operasi ternakan babi di Tanjong Sepat sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar.

Baginda turut menzahirkan kebimbangan berikutan Kuala Langat didiami ramai penduduk Melayu dan masalah ternakan babi di kawasan tersebut masih gagal diselesaikan sepenuhnya sejak tahun 2010.

Justeru, Sultan Sharafuddin turut mengusulkan kepada wakil-wakil rakyat menetap bersebelahan kawasan ternakan babi seperti di Kuala Langat bagi menempuh sendiri pengalaman sebenar seperti dialami penduduk.

Susulan itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dilapor berkata, Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Izham Him akan menghadap Sultan Sharafuddin hari ini bagi menyembah maklum berhubung isu penternakan babi di Kuala Langat.

Izham juga akan membentangkan perincian keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) termasuk langkah proaktif oleh agensi-agensi penguatkuasaan supaya keselamatan serta kebersihan persekitaran dapat diperkukuhkan tanpa sebarang kompromi.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR